

## Analisis Kefahaman Penulisan Wasiat Orang Islam di Negeri Melaka

### Analysis of the Understanding of Muslim Will Writing in Melacca

KASIMAH KAMARUDDIN

MD. YAZID AHMAD

#### ABSTRAK

*Wasiat ialah pesanan yang dibuat oleh seseorang semasa hidupnya kepada seseorang yang lain sama ada dalam bentuk tulisan, lisan ataupun isyarat dan terlaksana selepas kematian pewasiat. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad (ARB) daripada tahun 2008 sehinggalah 2010, jumlah pendaftaran wasiat orang Islam Negeri Melaka semakin meningkat dari tahun ke tahun. Sehingga tahun 2010, jumlah pendaftaran wasiat orang Islam negeri Melaka ialah 169 orang. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji perbezaan antara konsep wasiat dan wisayah. Selain itu untuk mengkaji sejauh mana kefahaman penduduk Islam negeri Melaka mengenai penulisan wasiat. Bagi mencapai objektif berkenaan, kajian lapangan dengan menggunakan borang soal selidik dan analisis dokumen digunakan. Dalam kajian ini, maklumat diperolehi daripada 90 orang responden yang terdiri daripada 30 orang penulis wasiat, 30 orang ejen pengurusan wasiat dan 30 orang ahli waris si mati yang menguruskan harta pusaka tersebut. Pemilihan sampel secara berstruktur telah digunakan. Data kajian yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati konsep wasiat dan wisayah adalah sama iaitu dari sudut pengamanahan harta. Perbezaannya adalah dari sudut pelaksanaannya sahaja. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman orang Islam Negeri Melaka terutamanya di kalangan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen pengurusan harta dan wasiat berada di tahap yang memuaskan.*

*Kata Kunci: Wasiat, Melaka, wasi, wisayah, undang-undang Islam, pusaka*

#### ABSTRACT

*Will is an instruction made by a person during his lifetime to another person whether in written, oral or signal and it is put into effect after the death of the testator. Based on statistics issued by the Amanah Raya Berhad (ARB) from 2008 until 2010, the total registration of bequest among Muslims in Malacca increasing from year to year. Until the year 2010, the total registration of bequest among Muslims in Malacca is 169 people. The objective of this paper is to examine the differences between the concepts of will and executoship (wisayah). Other than that to study how far the understanding of Muslims in Malacca on the will writing. To achieve these objectives, a survey using questionnaires and also document analysis have been used. In this study, information obtained from 90 respondents, consisting of 30 people from will writer, 30 people from will management agent and 30 people from heirs of the decease who managing the bequest property. The structural sampling has been used. Data was analyzed descriptively. Result indicates that the will and executorship are not too dissimilar, in terms of property trusteeship. The difference is only in terms of implementation. Overall, the level of understanding of Muslims in Malacca, especially among writers of will, the heirs and the property management agent are at a satisfactory stage.*

*Keywords: Will, Melacca, executor, wisayah, Islamic law, heritage*

#### PENGENALAN

Senario permasalahan berkenaan harta pusaka di Malaysia berada di tahap membimbangkan. Ini terbukti berdasarkan laporan yang menunjukkan RM42 billion nilai harta pusaka dibekukan dan dianggarkan satu juta kes gagal diselesaikan oleh pewaris kerana tiada wasiat. Wasiat adalah salah satu mekanisme perancangan harta yang terbaik sekiranya digunakan dengan cara yang efektif dan bertepatan dengan syarak. Wasiat ialah pesanan yang dibuat oleh seseorang semasa hidupnya kepada seseorang yang lain sama ada dalam bentuk tulisan, lisan ataupun

isyarat dan terlaksana selepas kematian pewasiat. Manakala *wisayah* pula adalah pelantikan wasi atau orang yang diamanahkan untuk menguruskan segala urusannya setelah kematiannya. Walaupun begitu, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad (ARB) peningkatan penulisan wasiat di negeri Melaka dari tahun ke tahun semakin meningkat dan memberangsangkan. Negeri Melaka adalah di antara tiga negeri yang mempunyai Enakmen Wasiat Orang Islam yang tersendiri, iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka No 4 Tahun 2005.

## KONSEP WASIAT DAN *WISAYAH* DALAM ISLAM

### PENGERTIAN WASIAT

Menurut *Lisan al-‘Arab*, wasiat berasal daripada perkataan “وصى” (*wassa*) yang membawa maksud menjadikan, menjanjikan atau “*wassa fulan*” dengan makna menjadikan seseorang sebagai *wasi* yang menguruskan segala urusan, harta dan anak-anaknya selepas kematiannya. Manakala perkataan “الوصية” (*al-wasiyyah*) didefinisikan sebagai pesanan atau pemberian sebelum mati. Dari segi istilah fuqaha’, wasiat ialah satu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimiliki oleh penerima wasiat selepas mati pewasiat.

Manakala dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005, mentakrifkan wasiat ialah ikrar seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi tujuan kebajikan atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut hukum syarak, selepas dia mati.

Penekanan mengenai pensyariatkan wasiat didapati daripada ayat 11 surah al-Nisa’. Firman Allah SWT:

Maksudnya: (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, wasiat adalah amalan yang digalakkan dalam hal kebaikan dan kebajikan untuk diberikan kepada orang-orang yang soleh dan kaum kerabat yang tidak mendapat warisan, orang fakir, orang-orang miskin, orang-orang yang memerlukan, yayasan-yayasan sosial dan keagamaan seperti masjid, rumah orang tua, orang yang cacat dan sebagainya. Cuma dalam beberapa keadaan hukum tersebut berubah kepada wajib, haram, makruh atau harus.

Dalam undang-undang wasiat Islam, kadar maksimum sesuatu wasiat adalah satu pertiga daripada harta peninggalan si mati. Kadar ini dipersetujui oleh jumhur fuqaha, seseorang tidak harus mewasiatkan lebih daripada satu pertiga hartanya kecuali dengan persetujuan semua ahli waris.

Sesuatu wasiat juga tidak terbentuk kecuali jika terdapat empat perkara asas (rukun) dan syarat-syarat tertentu mengikut pandangan jumhur fuqaha iaitu pewasiat, penerima wasiat, harta yang diwasiatkan dan juga sighth.

Adapun jenis-jenis wasiat itu terbahagi kepada dua, iaitu wasiat mutlak dan wasiat bersyarat. Wasiat

mutlak ialah wasiat yang dilakukan dengan bebas atau tidak terikat dengan syarat-syarat tertentu yang mungkin dikenakan oleh pewasiat. Manakala wasiat bersyarat ialah wasiat yang mengandungi syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh pemberi wasiat.

### PENGERTIAN *WISAYAH*

Dari segi bahasa perkataan *iso* adalah umum meliputi makna wasiat dan *wisayah* tetapi dari segi istilah para fuqaha telah membezakan antara kedua-duanya, iaitu wasiat dikhususkan dengan pemberian yang dikaitkan dengan sesudah mati, manakala *wisayah* dimaksudkan berpesan atau mengamanahkan kepada seseorang untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu perkara selepas kematiannya.

*Wisayah* adalah suatu konsep pengamanahan dalam Islam adalah lebih tepat dan relevan dengan konsep *will* atau wasiat dalam undang-undang sivil. Oleh yang demikian, konsep ini adalah paling sesuai untuk umat Islam merancang pusaka kerana pemegang amanah (*wasi*) boleh dilantik sebagai pelaksana segala arahan berkenaan pembahagian dan pentadbiran pusaka selepas kematian.

*Wisayah* juga mempunyai rukun dan syarat-syarat yang mesti dipenuhi, iaitu orang yang diamanahkan (*wasi*), orang yang mengamanahkan (*musi*), harta yang diamanahkan dan juga sighth - ijab dan qabul.

Perbezaan wasiat dan *wisayah* ialah wasiat dikhususkan dengan pemberian yang dikaitkan dengan sesudah mati, manakala *wisayah* dimaksudkan berpesan atau mengamanahkan kepada seseorang untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu perkara selepas kematiannya.

### PENULISAN WASIAT

Dalam melakukan wasiat, syarak tidak menetapkan bentuk yang perlu diikuti. Maka wasiat yang dilakukan sama ada secara ucapan, bertulis atau isyarat dibolehkan selagi tujuan pewasiat jelas dinyatakan dan cara yang dilakukan sesuai dengan keadaan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, sebaik-baik wasiat hendaklah dilakukan dalam bentuk tulisan ketika sihat dan disaksikan. Berikut dijelaskan bentuk-bentuk wasiat:

#### WASIAT DALAM BENTUK UCAPAN

Semua fuqaha bersepakat mengatakan bahawa wasiat boleh dibuat secara lisan sama ada secara nyata, misalnya “aku wasiatkan ... kepada si x,” ataupun

secara tidak nyata yang berhajat kepada *qarinah* iaitu isyarat yang mewujudkan suatu fahaman bahawa wasiat itu wujud. Misalnya seperti, “aku jadikan ... untuknya selepas kematianku.”

Mengikut jumhur ulama selain ulama mazhab Hanafi, penerimaan tawaran hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat. Tidak dianggap sebagai penerimaan tawaran ketika pewasiat masih hidup. Sekiranya penerima wasiat itu mati, maka pewaris mengambil tempatnya dalam menerima wasiat itu. Mengikut mazhab Hanafi, penerimaan wasiat sebelum mati pewasiat adalah sah.

#### WASIAT DALAM BENTUK TULISAN

Wasiat juga boleh dilakukan melalui tulisan atau surat bagi mereka yang susah atau tidak boleh bertutur seperti seorang yang bisu. Termasuk dalam golongan ini menurut mazhab Hanafi dan Hanbali ialah orang-orang yang lidahnya kelu secara berpanjangan, atau orang-orang yang hilang keupayaan bertutur. Tetapi mazhab Shafii berpendapat bahawa sah wasiat secara surat atau isyarat yang boleh difahami daripada seorang yang bisu.

Wasiat secara surat walaupun daripada seorang yang boleh bertutur jika ternyata ia telah dicatatkan oleh pewasiat dengan pengakuan ahli waris atau dengan pembuktian yang dibuktikan bahawa pewasiat yang menuliskannya, walaupun sudah lama adalah sah. Inilah pendapat yang kuat dalam mazhab Hanbali, Hanafi dan Maliki asalkan ia disaksikan.

Ulama mazhab Shafii menyatakan wasiat secara bertulis adalah kinayah, yakni ia hanya sah jika berserta dengan niat, sama seperti dengan kes jual beli. Mereka meletakkan syarat supaya ia disaksikan. Jika dia tidak berbuat demikian maka wasiat itu tidak sah. Alasan kenapa wasiat secara tulisan itu dibenarkan ialah bahawa tulisan juga boleh menerangkan kehendak pewasiat. Malah ia merupakan bukti yang kuat ketika diperlukan untuk pembuktian jika dibandingkan dengan wasiat lisan sahaja.

#### WASIAT DALAM BENTUK ISYARAT

Membuat wasiat dengan isyarat dibenarkan bagi orang-orang bisu atau orang-orang yang susah untuk bercakap menurut mazhab Hanafi dan Hanbali. Sekiranya seseorang yang susah hendak bercakap tetapi boleh menulis, maka wasiatnya perlulah dibuat secara tulisan kerana dengan cara ini maksud yang hendak disampaikan lebih mudah dan lebih tepat. Dalam mazhab Maliki, wasiat boleh dibuat dengan

isyarat yang dapat difahami walaupun daripada seseorang yang boleh bercakap. Kesimpulannya bahawa seseorang yang boleh bertutur, menurut mazhab Maliki boleh berwasiat, sama ada dengan cara lisan, tulisan, surat atau dengan cara isyarat yang boleh difahami.

Menurut pandangan kebanyakan ulama, orang yang bisu dan seumpamanya boleh membuat wasiat secara lisan, tulisan, atau isyarat jika dia tidak pandai menulis tetapi jika dia boleh menulis maka wasiatnya tidak sah kecuali dengan menulis. Tetapi orang yang bisu atau seorang yang tidak boleh bertutur, jika dia boleh menulis, maka wasiatnya tidak boleh dibuat melainkan dengan tulisan. Tetapi jika dia tidak boleh menulis, maka wasiat boleh (sah) dibuat dengan isyarat.

Walaupun bentuk-bentuk wasiat boleh dilakukan sama ada dengan ucapan atau isyarat tetapi dengan tulisan adalah sebaik-baiknya. Penulisan wasiat tersebut hendaklah dilakukan sama ada di hadapan saksi atau tidak. Tetapi sebaik-baiknya penulisan wasiat hendaklah disaksikan supaya tidak timbul sebarang masalah selepas kematian.

#### PEMBATALAN WASIAT

Wasiat dianggap akad yang harus. Oleh itu, pewasiat boleh menarik balik kesemua wasiatnya atau sebahagiannya atau mengubahnya atau menambah syarat baru kerana harta tersebut masih dalam hak miliknya selagi beliau masih hidup. Pembatalan wasiat boleh dilakukan dengan lafaz yang menunjukkan tujuan tersebut. Contohnya pewasiat berkata: “Saya memansuhkan wasiat itu atau saya membatalkannya.” Pembatalan juga boleh berlaku melalui perbuatan yang menunjukkan bahawa wasiat itu dibatalkan. Contohnya beliau menjual harta yang diwasiatkan atau menjadikannya sedekah atau menghadihkannya kepada orang lain atau menggadaikannya atau menyerahkannya kepada penghutang. Kesemua tindakan ini menunjukkan bahawa pewasiat telah membatalkan atau menarik balik wasiatnya kerana ia menghapuskan hak miliknya pada harta tersebut atau mendedahkannya kepada risiko dijual jika harta tersebut digadai.

#### ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM NEGERI MELAKA

Ketiadaan sebarang undang-undang khusus berkenaan wasiat ini telah menimbulkan pelbagai kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam khususnya

berkenaan dengan pelaksanaan pengesahan sesuatu wasiat. Ia juga menjadi bebanan kepada Mahkamah Syariah apabila berhadapan dengan urusan wasiat, mahkamah terpaksa membuat rujukan kepada kitab-kitab fiqh yang akan mengambil masa yang agak lama. Begitu juga dengan huraian dan tafsiran berkenaan dengan sesuatu isu yang timbul dalam wasiat hanya bergantung kepada mahkamah semata-mata. Oleh yang demikian satu undang-undang khusus mengenai wasiat orang Islam adalah sangat diperlukan bagi membantu mahkamah dan orang awam.

Lantaran keperluan yang mendesak ini, negeri Selangor telah menggunakan peruntukan yang ada untuk mengorak langkah awal mewartakan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999. Begitu juga dengan Negeri Sembilan yang turut mengikuti jejak Selangor dengan menggubal Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004. Bahkan pada tahun 2005 diikuti pula oleh negeri Melaka dengan menggubal Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka 2005.

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) telah mendapat persetujuan diraja pada 20 April 2005 dan disiarkan dalam warta pada 28 April 2005 sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) no. 4 Tahun 2005. Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005. Ia telah diwartakan sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) dan telah diperkenan oleh Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob sebagai Yang Dipertua Negeri Melaka. Secara keseluruhannya Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) no. 4 Tahun 2005 ini mengandungi 9 bahagian dan 29 seksyen yang berkaitan dengan wasiat dan disertakan bersama 2 jadual. Jadual pertama merupakan pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam enakmen ini. Manakala jadual kedua adalah contoh borang wasiat bertulis. Enakmen ini hanya terpakai bagi negeri Melaka dan orang yang menganut agama Islam sahaja.

Kewujudan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) no. 4 Tahun 2005 ini membolehkan mahkamah menjalankan tugasnya dengan lebih lancar dengan merujuk kepada enakmen ini sekiranya timbul pertikaian mengenai kesahan sesuatu wasiat. Pembuktian di Mahkamah Syariah berkenaan isu wasiat sama seperti kes-kes lain yang melibatkan keterangan daripada saksi mahupun melalui dokumen yang boleh memuaskan hati hakim untuk menentukan kasahihan wasiat tersebut.

## KEFAHAMAN PENULISAN WASIAT DALAM KALANGAN ORANG ISLAM DI NEGERI MELAKA

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat tentang kajian. Dalam kajian ini, maklumat diperolehi daripada 90 orang responden yang terdiri daripada 30 orang penulis wasiat, 30 orang ejen pengurusan wasiat dan 30 orang ahli waris si mati yang menguruskan harta pusaka tersebut. Seramai 90 orang dipilih kerana mereka terlibat secara langsung dalam penulisan wasiat dan pengurusan harta pusaka. Pemilihan sampel secara berstruktur telah digunakan. Data kajian yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif. Soalan yang dikemukakan berbentuk skala likert iaitu tidak setuju (1), tidak pasti (2) dan setuju (3). Terdapat tiga bahagian, iaitu bahagian (a) adalah demografi responden, bahagian (b) pentadbiran wasiat Islam dan bahagian (c) pentadbiran wasiat di Malaysia. Bahagian (a) mempunyai enam soalan yang terdiri daripada jantina, umur, pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan taraf perkahwinan. Manakala bahagian (b) pula mempunyai tujuh soalan begitu juga di bahagian (c) terdapat tujuh soalan.


### MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

Daripada 90 orang responden, seramai 46 orang adalah lelaki dan 44 orang adalah perempuan yang kebanyakan berumur dalam lingkungan 21 hingga 40 tahun (65.66%). Kebanyakan daripada responden iaitu sebanyak 62 orang (68.88%) berkelulusan kolej atau universiti dan 18 responden (20%) berkelulusan SPM atau STPM, sembilan orang (10%) sekolah pondok dan seorang (1.11%) darjah enam. Manakala sebahagian daripada responden, iaitu sebanyak 50 orang (53.5%) bekerja sebagai kakitangan kerajaan, 31 orang (34.44%) swasta, seorang pesara (1.11%), dan seorang suri rumah (1.11%). Dari segi pendapatan pula, sebahagian dari responden, iaitu 49 orang (54.44%) berpendapatan RM2000-RM2999 dan hanya 11 orang (12.22%) berpendapatan RM1000 ke bawah. Majoriti responden sudah berkahwin, iaitu seramai 67 orang (74.44%), manakala 20 orang (22.22%) bujang dan selebihnya dua orang (2.22%) adalah duda.

PENTADBIRAN WASIAT ISLAM

Bagi Item 1, pernyataan ‘anda faham tentang konsep wasiat Islam’ seramai 26 responden mewakili penulis wasiat (86.66%) bersetuju dan empat responden (13.33%) tidak pasti dengan pernyataan ini. Manakala bagi ahli waris seramai 23 responden (76.66%) bersetuju dan tujuh responden (23.33%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Seterusnya bagi agen pula, seramai 26 responden (86.66%) bersetuju, dua responden (6.66%) tidak pasti dan dua responden


lagi (6.66%) tidak bersetuju dengan item ini. Ini menunjukkan bahawa peratusan penulis wasiat dan ejen mengenai kefahaman mereka mengenai konsep wasiat adalah sama iaitu (86.66%) melebihi ahli waris (76.66%). Ini kerana penulis wasiat dan ejen adalah mereka yang terlibat secara khusus mengenai wasiat dan pusaka berbanding dengan ahli waris. Walhal terdapat dalam kalangan ahli waris yang tidak mengetahui selok belok mengenai wasiat dan hanya menerima sahaja pemberian tersebut.



ITEM 1: Anda Faham Tentang Konsep Wasiat Islam?

Penyataan Item 2, ‘wasiat berkuat kuasa selepas mati’ mencatatkan seramai 28 responden mewakili penulis wasiat (93.33%) bersetuju dengan item ini, 1 responden (3.33%) tidak pasti dan bakinya satu responden (3.33%) tidak bersetuju. Seterusnya bagi ahli waris mencatatkan seramai 27 responden (90%) bersetuju, satu responden (3.33%) tidak pasti dan dua responden (6.66%) tidak bersetuju dengan item ini. Manakala bagi ejen, seramai 26 responden (86.66%)


bersetuju, seorang responden (3.33%) tidak pasti dan bakinya tiga responden (10%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Di sini dapat dirumuskan bahawa penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen majoritinya mengetahui bahawa wasiat berkuat kuasa selepas matinya pewasiat. Ini membezakan di antara wasiat dan cara pemilikan harta yang lain. Hak milik wasiat hanya boleh dimiliki selepas kematian pewasiat.



ITEM 2: Wasiat Berkuat kuasa Selepas Mati

Seterusnya bagi Item 3, seramai 24 responden mewakili penulis wasiat (80%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti dan dua responden (6.66%) tidak bersetuju dengan pernyataan ‘hukum wasiat adalah sunat.’ Manakala bagi ahli waris seramai 17 responden (56.66%) bersetuju, tujuh responden (23.33%) tidak pasti dan enam responden (20%) tidak bersetuju. Sementara bagi ejen, 19 responden (63.33%) bersetuju, lapan responden (26.66%) tidak pasti dan tiga responden (10%) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa penulis wasiat


lebih mengetahui hukum wasiat berbanding dengan ahli waris. Ini kerana mereka telah menulis wasiat dan tahu mengenai hikmah berwasiat. Manakala bagi ahli waris dan ejen masih ada yang kurang faham mengenai hukum wasiat. Wasiat adalah amalan yang sangat digalakkan dalam hal kebajikan dan ia merupakan bekalan selepas mati. Ia juga dapat mengelakkan pertelingkahan di antara ahli keluarga pada masa akan datang. Cuma dalam beberapa keadaan sahaja hukum tersebut berubah kepada wajib, harus, makruh atau haram.



ITEM 3: Hukum Wasiat adalah Sunat

Item seterusnya iaitu Item 4, ‘wasiat boleh dibuat kepada ahli waris’ mencatatkan 22 responden mewakili penulis wasiat iaitu (73.33%) bersetuju, dua responden (6.66%) tidak pasti dan seramai enam responden (20%) tidak bersetuju. Bagi ahli waris seramai 25 responden (83.33%) bersetuju, tiga responden (10%) tidak pasti manakala selebihnya dua responden (6.66%) tidak bersetuju dengan item ini. Manakala bagi ejen pula, seramai 20 responden

(66.66%) bersetuju, dua responden (6.66%) tidak pasti dan lapan responden (26.66%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Di sini dapat diperhatikan bahawa ahli waris yang paling tinggi (83.33%) menyokong bahawa wasiat boleh di buat kepada ahli waris berbanding dengan ejen (66.66%). Selebihnya ada yang tidak pasti dan tidak setuju wasiat untuk ahli waris sepertimana yang diketahui wasiat untuk ahli waris dibolehkan dengan syarat mendapat persetujuan




ITEM 4: Wasiat boleh dibuat kepada Ahli Waris

semua ahli waris. Asasnya, wasiat hanya diberikan kepada bukan waris kerana tujuannya mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bahkan bagi ahli waris mereka akan menerimanya melalui pembahagian secara faraid.

Item berikutnya iaitu Item 5, seramai 18 responden mewakili penulis wasiat (60%) bersetuju, lima responden (16.66%) tidak pasti dan tujuh responden (23.33%) tidak bersetuju dengan item 'kadar harta yang boleh diwasiatkan adalah 1/3 daripada harta yang dimiliki.' Manakala bagi ahli waris seramai 11 responden (36.66%) bersetuju dan 13 responden (43.33%) tidak pasti dan enam responden (20%)

tidak bersetuju dengan item ini. Seterusnya ejen mencatatkan 22 responden (73.33%) bersetuju, tujuh responden (23.33%) tidak pasti dan bakinya seorang responden (3.33%) tidak bersetuju. Bagi item ini, ejen adalah yang paling ramai bersetuju (73.33%) dengan kadar harta adalah 1/3 sahaja berbanding ahli waris hanya 36.66%. Kebanyakan ahli waris (43.33%) tidak pasti mengenai kadar harta tersebut. Mereka tidak pasti dengan kadar harta tersebut berkemungkinan ada di antara mereka yang mendapat lebih daripada kadar harta tersebut. Mengikut hukum syarak kadarnya adalah 1/3 sahaja untuk wasiat dan selebihnya hendaklah dibahagikan melalui faraid.




ITEM 5: Kadar Harta yang Boleh Diwasiatkan adalah 1/3 daripada Harta yang Dimiliki

Bagi Item 6, penulis wasiat mencatatkan seramai 13 responden (43.33%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti dan 13 responden (43.33%) tidak bersetuju. Manakala bagi ahli waris mencatatkan lapan responden (26.66%) bersetuju, 15 responden (50%) tidak pasti dan bakinya tujuh responden (23.33%) tidak bersetuju. Seterusnya bagi ejen pula mencatatkan 11 responden (36.66%) masing-masing bersetuju dan tidak pasti dan bakinya 8 orang (26.66%) tidak bersetuju dengan item 'wasiat hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja.' Bagi item ini kebanyakan ahli waris dan ejen tidak pasti wasiat hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja. Sebenarnya wasiat tidak hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja tetapi termasuk juga perlantikan wasi. Pelantikan wasi amatlah penting untuk memudahkan segala urusan selepas kematian pewasiat.


Seterusnya bagi Item 7, iaitu 'pewasiat melibatkan perlantikan pentadbir harta (wasi).' Bagi item ini, penulis wasiat mencatatkan 25 responden (83.33%) bersetuju, 2 responden (6.66%) tidak pasti dan tiga responden (10%) tidak bersetuju dengan item ini. Manakala bagi ahli waris mencatatkan 15 responden

(50%) bersetuju, 13 responden (43.33%) tidak pasti dan bakinya dua responden (6.66%) tidak bersetuju. Seterusnya bagi ejen, 25 responden (83.33%) bersetuju, dua responden (6.66%) tidak pasti dan bakinya tiga responden (10%) tidak bersetuju dengan item ini. Dapat dilihat di sini bahawa penulis wasiat (83.33%) dan juga ejen (83.33%) masing-masing bersetuju bahawa dalam membuat wasiat melibatkan pentadbir harta (wasi) supaya harta dan segala urusannya dapat diuruskan dengan baik selepas kematian pewasiat. Wasi yang dilantik hendaklah yang amanah, bertanggungjawab dan cukup syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berbeza dengan ahli waris hanya (50%) responden bersetuju dan sebahagiannya lagi tidak pasti.

Kesimpulan daripada kefahaman tiga golongan yang terdiri daripada penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen mengenai wasiat dalam Islam adalah memuaskan. Wasiat berkuat kuasa selepas mati merupakan peratusan kefahaman yang paling tinggi di kalangan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen. Peratusan kefahaman yang berikutnya soalan wasiat boleh dibuat kepada ahli waris, wasiat melibatkan



ITEM 6: Wasiat hanya Melibatkan Pemberian 1/3 Sahaja



ITEM 7: Wasiat Melibatkan Pelantikan Pentadbir Harta (Wasi)


pelantikan pentadbir harta (wasi) dan hukum wasiat adalah sunat. Terdapat beberapa item soalan yang mereka kurang faham iaitu adakah wasiat hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja dan soalan mengenai kadar harta yang boleh diwasiatkan. Bagi soalan mengenai kadar harta kebanyakan ahli waris tidak pasti dengan kadar harta tersebut. Berkemungkinan sebahagian daripada ahli waris pernah mendapat lebih daripada kadar tersebut dengan syarat mendapat persetujuan ahli waris yang lain. Manakala soalan mengenai wasiat hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja merupakan soalan yang paling jelas mengelirukan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen. Wasiat bukan sahaja pemberian 1/3 sahaja tetapi melibatkan juga pelantikan pentadbir harta untuk menguruskan harta, iaitu wasi.

#### PENTADBIRAN WASIAT DI MALAYSIA


Bagi Item 1, penulis wasiat mencatatkan 27 responden (90%) bersetuju bahawa wasiat penting dalam perancangan harta dan 3 responden lagi (10%) menganggap wasiat tidak penting. Manakala bagi ahli waris pula seramai 30 responden (100%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen seramai 23 responden (76.66%) bersetuju, seorang responden (3.33%) tidak pasti dan bakinya enam responden (20%) tidak bersetuju. Dapat diperhatikan di sini, majoriti berpendapat bahawa wasiat penting dalam perancangan harta.

Seterusnya bagi Item 9, penulis wasiat mencatatkan hanya 11 responden (36.66%) bersetuju, tiga responden (10%) tidak pasti, dan seramai 16 responden (53.33%) tidak bersetuju bahawa kesan daripada tidak menulis wasiat segala harta akan





ITEM 8: Wasiat Penting dalam Perancangan Harta




ITEM 9: Kesan tidak Menulis Wasiat Semua Harta akan Dibekukan

dibekukan. Manakala bagi ahli waris pula seramai 18 responden (60%) bersetuju, 6 responden (20%) tidak pasti, selebihnya enam responden (20%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, sembilan responden (30%) bersetuju, lima responden (16.66%) tidak pasti dan bakinya 16 responden (20%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapat disimpulkan bahawa penulis wasiat dan ejen menyokong kenyataan tersebut berbeza dengan pendapat ahli waris sekiranya tidak menulis wasiat segala harta tidak akan dibekukan.


Manakala bagi Item 10, penulis wasiat mencatatkan seramai 18 responden (60%) bersetuju, seorang responden (3.33%) tidak pasti, dan 11 responden (36.66%) tidak bersetuju bahawa kesan daripada tidak menulis wasiat mengakibatkan pembahagian harta pusaka lambat. Manakala bagi ahli waris pula seramai 18 responden (83.33%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti, selebihnya seorang responden (3.33%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, 15 responden (50%) bersetuju, dua responden (6.66%) tidak pasti dan bakinya 13 responden (43.33%) tidak

bersetuju dengan item tersebut. Majoriti daripada tiga golongan ini bersetuju bahawa kesan daripada tidak menulis wasiat mengakibatkan pembahagian harta pusaka lambat diproses.

Bagi Item 11 pula, penulis wasiat mencatatkan 16 responden (53.33%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti, dan 10 responden (33.33%) tidak bersetuju bahawa tanpa penulisan wasiat kemungkinan ahli waris akan teraniaya. Manakala bagi ahli waris pula seramai 25 responden (83.33%) bersetuju, dan hanya lima responden (16.66%) tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, 13 responden (43.33%) bersetuju, seorang responden (3.33%) tidak pasti dan bakinya 16 responden (53.33%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi penulis wasiat dan ahli waris masing-masing bersetuju bahawa ahli waris akan teraniaya sekiranya tidak menulis wasiat. Tetapi bagi ejen sekiranya tidak menulis wasiat ahli waris tidak akan teraniaya. Ini kerana bagi ejen, wasiat lebih tertumpu kepada bukan waris dan untuk kebajikan. Ia tidak memberi kesan yang mendalam kepada ahli waris kerana mereka telah mendapat bahagian melalui faraid.




ITEM 10: Kesan daripada Tidak Menulis Wasiat Mengakibatkan Pembahagian Harta Pusaka Lambat



ITEM 11: Tanpa Penulis Wasiat Kemungkinan Ahli Waris akan Teraniaya

Seterusnya bagi Item 12, penulis wasiat mencatatkan 15 responden (50%) bersetuju, enam responden (20%) tidak pasti, dan seramai sembilan responden (30%) tidak bersetuju bahawa tanpa penulisan wasiat pembahagian harta pusaka masih boleh dibahagi tanpa mempunyai sebarang masalah. Manakala bagi ahli waris pula seramai 18 responden

(60%) bersetuju, enam responden (20%) tidak pasti, selebihnya enam responden (20%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, sembilan responden (30%) bersetuju, lima responden (16.66%) tidak pasti dan bakinya 16 responden (20%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Di sini dapat diperhatikan bahawa penulis wasiat dan




ITEM 12: Tanpa Penulisan Wasiat Pembahagian Harta Pusaka Masih Boleh Dibahagi Tanpa Mempunyai Sebarang Masalah

ahli waris masing-masing bersetuju sekiranya tidak menulis wasiat pembahagian harta pusaka masih boleh dibahagi tanpa mempunyai sebarang masalah. Berbeza dengan pandangan ejen sekiranya tidak menulis wasiat akan mendatangkan masalah pada masa akan datang.

Manakala bagi Item 13, penulis wasiat mencatatkan 27 responden (90%) bersetuju, 2 responden (6.66%) tidak pasti, dan seramai seorang responden (3.33%) tidak bersetuju bahawa pelantikan wasi hendaklah dibuat secara bertulis. Manakala bagi ahli waris pula seramai 21 responden (70%) bersetuju,

tujuh responden (23.33%) tidak pasti, selebihnya dua responden (6.66%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, 20 responden (66.66%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti dan bakinya enam responden (20%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Majoriti dari kalangan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen bersetuju bahawa pelantikan wasi hendaklah dibuat secara bertulis supaya ada bukti yang kukuh pewasiat mewasiatkan hartanya kepada orang tertentu dan ini memudahkan urusan selepas kematiannya.




ITEM 13: Pelantikan Wasi hendaklah Dibuat Secara Bertulis

Item terakhir iaitu Item 14, penulis wasiat mencatatkan hanya tujuh responden (23.33%) bersetuju, tujuh responden (23.33%) tidak pasti, dan seramai 16 responden (53.33%) tidak bersetuju bahawa tanpa penulisan wasiat harta pusaka boleh diuruskan dengan cepat dan mudah. Manakala bagi ahli waris pula seramai dua responden (6.66%) bersetuju, sembilan responden (30%) tidak pasti, selebihnya 19 responden (63.33%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya bagi ejen, 15 responden (50%) bersetuju, empat responden (13.33%) tidak pasti dan bakinya 11 responden (36.66%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Dapat diperhatikan di sini penulis wasiat dan juga ahli waris menyokong bahawa dengan menulis wasiat maka pengurusan harta pusaka boleh diuruskan dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun, bagi ejen mereka berpendapat sebaliknya. Ini kerana bagi ejen sekiranya pengesahan wasiat yang dibuat tidak sah maka wasiat tersebut batal dan segala harta yang ditinggalkan kembali kepada pembahagian secara faraid.

Kesimpulannya penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen mengetahui wasiat amat penting dalam perancangan harta dan memberi beberapa kesan yang negatif sekiranya tidak menulis wasiat. Bagi penulis wasiat kesannya adalah mengakibatkan pembahagian harta pusaka lambat dan merumitkan serta ahli waris akan teraniaya. Manakala bagi ahli waris pula sekiranya tidak menulis wasiat akan memberi kesan juga kepada harta iaitu harta akan dibekukan, pembahagian harta pusaka lambat dan merumitkan serta ahli waris akan teraniaya. Seterusnya bagi ejen mereka berpendapat bahawa sekiranya tidak menulis wasiat ahli waris tidak akan teraniaya kerana ahli waris tidak berhak untuk mendapat wasiat kecuali dengan persetujuan semua ahli waris. Malah ahli waris sudah dapat bahagiannya melalui faraid.

## KESIMPULAN

Melalui dapatan yang diperolehi daripada maklumbalas responden, kajian ini menyimpulkan



ITEM 14: Tanpa Penulisan Wasiat Harta Pusaka Boleh Diuruskan dengan Cepat dan Mudah

secara keseluruhannya tahap pemahaman orang Islam Negeri Melaka terutamanya dalam kalangan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen pengurusan harta dan wasiat berada di tahap yang memuaskan. Wasiat berkuat kuasa selepas mati merupakan peratusan kefahaman yang paling tinggi dalam kalangan penulis wasiat, ahli waris dan juga ejen. Manakala soalan mengenai wasiat hanya melibatkan pemberian 1/3 sahaja merupakan soalan yang paling jelas mengelirukan terutamanya ahli waris, seterusnya ejen dan ahli waris. Namun begitu, kajian ini juga mendapati majoriti responden mengetahui kepentingan penulisan wasiat dalam perancangan harta dan kesannya sekiranya tidak menulis wasiat. Kesan yang paling ketara apabila tidak menulis wasiat ialah pembahagian pusaka menjadi lambat. Justeru, jelas menunjukkan bahawa wasiat adalah salah satu mekanisme perancangan harta yang paling tepat seterusnya dapat menangani masalah penyelesaian pusaka. Disarankan agar pihak-pihak berkenaan perlu mempertingkatkan lagi usaha untuk terus mendedahkan kepada masyarakat tentang hal-hal yang berkaitan dengan wasiat dan *wisayah* dengan mengadakan kempen-kempen dan juga ceramah-ceramah mengenai pentingnya menulis wasiat dalam kehidupan sebagai seorang Muslim. Pentingnya kefahaman mengenai penulisan wasiat sebelum mereka menulis wasiat supaya tidak berlaku pertelingkahan dan kekeliruan pada masa akan datang.

#### RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.  
Abdul Monir Yaacob. 1999. *Wasiat: Konsep dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Rashid Hj Abdul Latif. 1986. *Wasiat dalam Islam*. Bangi: UKM.  
al-Sayyid Sabiq. 1992. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.  
Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram al-Ansari Ibn al-Manzur. t.th. *Lisan al-'Arab*. al-Dar al-Sadir.  
Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad dan Md Yazid Ahmad. 2008. *Pengantar Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: UKM.  
Musa Fathullah Harun. 1994. *Masalah Wasiat dan Faraid*. UTM.  
Mustafa al-Bugha dan Ali al-Sharbaji Mustafa al-Khin. 2000. *al-Fiqh al-manhaji*. Damsyik: Dar al-Qalam.  
\_\_\_\_\_. 2005. Terj. *Kitab fikah mazhab Syafie*. Pustaka Salam Sdn Bhd.  
Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Khatib al-Sharbini. 1994. *Mughni al-muhtaj ila ma 'rifati ma 'ani al-faz al-minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah.  
Wahbah al-Zuhayli. 2004. *al-Fiqh al-Islami wa-adillatuh*. Damsyik: Dar al Fikr.  
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) No 4 Tahun 2005 Warta Kerajaan Negeri Melaka  
<http://hafizfaz.blogspot.com/2008/12/konsep-wisoyah-realiti-dan-pelaksanaan.html>.

Kasimah Kamaruddin, Ph.D  
Md. Yazid Ahmad, Ph.D  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia